

# Pegawai awam perlu utama prinsip keadilan

**MELAKA 5 Sept.** - Pegawai awam khususnya pegawai undang-undang dan pemimpin negara perlu mengutamakan prinsip keadilan dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab mereka kepada negara dan rakyat, kata Tokoh Maal Hijrah Melaka 2019, Tan Sri Abu Talib Othman.

Abu Talib, 81, yang juga bekas Peguam Negara berkata, prinsip itu penting bagi mengelak sebarang masalah dan memberi kesan kepada negara, rakyat atau seseorang individu sekali gus menyebabkan mereka merasa teraniaya.

“Bukan hanya mahkamah tetapi semua rakyat, pegawai dan orang berkuasa hendaklah mengutamakan keadilan dalam tugas mereka.

“Itulah pegangan saya semasa memegang jawatan di Jabatan Peguam Negara terutama apabila ia melibatkan pendakwaan kes sensitif dan ketika saya dikehendaki mem-



**TUN DR. MOHD. KHALIL YAAKOB** menyampaikan anugerah Tokoh Maal Hijrah Melaka kepada **Abu Talib Othman** (dua dari kanan) sambil diperhatikan **Adly Zahari** (kiri) dalam Majlis Perhimpunan Ummah dan Penyampaian Anugerah Khas Maal Hijrah 1441/2019 peringkat negeri di Ayer Keroh, Melaka, semalam. - BERNAMA

beri nasihat kepada kerajaan,” katanya selepas Majlis Perhimpunan Ummah dan Penyampa-

ian Anugerah Khas Maal Hijrah 1441/2019 Peringkat Negeri Melaka di sini hari ini.

Beliau menerima wang tunai sebanyak RM10,000, sijil penghargaan dan hadiah iringan yang disampaikan Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Dr. Mohd. Khalil Yaakob.

Yang turut hadir, Ketua Menteri Melaka, Adly Zahari.

Abu Talib yang merupakan anak jati Melaka berasal dari Merlimau di sini telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 32 tahun dan merupakan bekas Peguam Negara selama 13 tahun selain menjadi Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji dan Penasihat Undang-Undang kepada Yang di-Pertuan Agong.

Mengulas anugerah yang diterimanya itu, beliau berkata, ia merupakan satu pengiktirafan yang tidak pernah disangka akan diterima dalam hidupnya menerusi khidmat bakti sebagai penjawat awam.

Sementara itu, penerima Anugerah Abdullah Umami Mak-

tum Warga Istimewa, Mohd. Azmeen Kamarulzaman, 29, berkata, anugerah itu menjadi inspirasi kepadanya untuk beraksi dengan baik pada Sukan Malaysia (Sukma) 2020 di Johor dalam acara renang.

Dia yang mengalami lemah kaki kiri pernah mewakili negara dalam acara renang di Sukan Para ASEAN 2009 di Tokyo, Jepun, namun hanya menduduki kedudukan lima teratas selain pernah memenangi satu emas, dua perak dan satu gangsa pada Para Sukma di Sarawak pada 2016.

“Ini adalah penghargaan terbesar setakat ini dalam hidup saya dan ia memang langsung tidak pernah saya impikan, terima kasih kepada kerajaan negeri kerana menghargai bakat saya dalam sukan renang,” katanya yang kini berkhidmat sebagai jurumudi di Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka. - BERNAMA